

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN
(NIBONG TEBAL)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.11.2015

Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan bagi memastikan pengurusan sumber kerajaan yang teratur dan efisien serta boleh menangani isu pembaziran dan penyelewengan.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa dan akan terus memastikan pengurusan sumber kewangan kerajaan teratur dan efisien bagi memastikan isu pembaziran dan penyelewengan sentiasa ditangani. Usaha-usaha ini dilaksanakan oleh setiap kementerian masing-masing melalui konsep ' Let Managers' Manage '. Selain daripada itu kawalan

perbelanjaan juga dilaksanakan melalui sistem pemantauan projek (SPP II), pelaksanaan *Outcome Based Budgeting* dan juga penubuhan unit integriti di setiap Kementerian bertujuan untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh. Inisiatif ini akan dapat membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan penjawat awam.

SPP II ialah satu sistem pemantauan yang meliputi semua proses pelaksanaan pembangunan projek Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) bermula daripada perancangan projek hinggalah ke proses pembayaran projek. Agensi utama yang terlibat ialah Unit Penyelarasan dan Pemantauan (ICU), Unit Perancang Ekonomi (UPE) , Perbendaharaan, Jabatan Akauntan Negara (JANM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR). Semua Kementerian dan Jabatan/Agensi yang terlibat dalam pelaksanaan projek pembangunan di bawah Peruntukan Belanja Pembangunan merupakan pengguna utama sistem ini di samping Pejabat Pembangunan Negeri dan Pejabat Daerah sebagai agensi pemantauan peringkat Negeri dan Daerah. Dalam menangani isu-isu pembaziran dan penyelewengan, Jabatan Audit Negara juga sentiasa membuat auditan berkala ke atas teguran-teguran

dan projek-projek di kementerian bagi memastikan ianya dilaksanakan mengikut prosedur sedia ada malah *Auditor General's Dashboard* yang dilancarkan pada 30 Mei 2013, berperanan untuk memantau tindakan oleh kementerian, jabatan terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam laporan, selain itu, ia juga bagi menunjukkan komitmen serius kerajaan terhadap isu-isu ketirisan pengurusan kewangan kerajaan.